

Kuktem

sasar pengangguran sifar

PERSAINGAN sengit di pasaran kerjaya masa kini mendorong pihak Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (Kuktem) memberi penekanan kepada dua aspek utama demi memastikan graduannya menepati kehendak pasaran industri masa kini.

Penolong Pendaftaranya, **Aszahari Mohd. Jameri** dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia* berkata, aspek pertama yang dititikberatkan ialah kemahiran teknikal.

Menurutnya dalam hal itu, Kuktem menerapkan konsep *Fachhochschule* iaitu satu konsep yang dibawa dari Jerman.

"Menerusi konsep ini, jurang di antara teori di dewan kuliah dengan amalan praktikal dan kemahiran di tempat kerja dapat dikedalikan," katanya.

Selain itu katanya, Kuktem menekankan ciri kemahiran teknikal dan teori melalui amali dalam membina kefahaman teori teknikal.

Pembangunan sahsiah katanya, dilakukan melalui Pusat Pembelajaran Pelajar yang mana sebanyak lima teras pengajaran dan pembelajaran diberi penekanan.

"Pembangunan sahsiah merupakan elemen penting yang diperlukan oleh industri dalam mendapatkan tenaga kerja yang berkualiti.

"Lima teras itu ialah kemahiran komunikasi, kepimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah dan pemikiran secara kritikal, kerja sepasukan serta kemahiran keusahawanan," katanya.

Beliau juga berkata, penilaian sahsiah itu juga dirangkumkan dalam aktiviti pelajar selepas kuliah.

Pada satu perkembangan lain, beliau berkata, Kuktem juga menjalankan program pembangunan usahawan untuk graduan terpilih bagi dilatih menjadi usa-

Ini katanya dilakukan bagi memastikan graduan yang bakal lahir menjadi jurutera operasi mahir dan berketrampilan dalam bidang kejuruteraan yang diceburi.

"Untuk itu, selama satu semester iaitu di akhir pengajian, pelajar ditempatkan di industri berkaitan sebagai perantis selama enam bulan.

"Mereka akan bekerja dan menimba pengalaman di sektor berkenaan," katanya.

Kaedah ini jelasnya, membolehkan pelajar mengaplikasikan apa yang dipelajari selama berada di Kuktem dalam keadaan industri sebenar.

Menurutnya, ia juga bagi memastikan graduan yang akan keluar nanti berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang kejuruteraan masing-masing.

Sementara aspek kedua yang ditekankan ialah pembangunan kemahiran personal dan sahsiah.

hawan dalam bidang kejuruteraan.

Program itu katanya diadakan untuk memastikan graduan yang bakal lahir kelak mempunyai nilai tambah dan berdaya saing dalam industri yang akan mereka terokai.

Sehubungan itu, Aszahari berkata, beberapa kursus disediakan di Kuktem untuk memenuhi keperluan tenaga kerja industri.

Kursus-kursus itu meliputi bidang petrokimia, sumber asli dan pembuatan.

Beliau berkata, dengan apa yang dirangka ini, Kuktem berhasrat membantu negara menyediakan tenaga mahir yang cekap dalam bidang kejuruteraan.

Antara bidang itu ialah Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta Kejuruteraan Komputer dan Teknologi Perisian.